

CNS1700

U GB 12-04 00165 BA000

bah

UMNO - Sultan

UMNO SOKONG DESAKAN RAKYAT AGAR SULTAN TIDAK BERPOLITIK

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO hari ini menyatakan sokongannya kepada pendirian rakyat Kelantan yang menunjuk perasaan Sabtu lepas kerana membantah campur tangan Sultan dalam politik dan pentadbiran negeri.

Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tunjuk perasaan yang diadakan di Kota Baharu itu menunjukkan sikap dan pendirian sebahagian besar rakyat Kelantan yang sudah hilang kepercayaan terhadap Sultan Kelantan.

"UMNO berpendapat Sultan yang tidak diiktiraf oleh rakyat, sudah hilang maruah sebagai Raja," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti selama hampir tiga jam di ibu pejabat UMNO di sini.

Beliau juga menyatakan rasa dukacita kerana pihak Istana enggan menerima memorandum yang dikemukakan oleh wakil perhimpunan rakyat itu semasa tunjuk perasaan itu.

Sikap ini, kata Perdana Menteri, menunjukkan sikap tidak demokratik Sultan yang mahu berpolitik tetapi tidak sanggup menerima rayuan rakyat. -- Lagi.

▼12/04/18-57MST

CNS1736

R GB 12-04 00147 BA003

bah enx

UMNO - Sultan 2 Kuala Lumpur

"Sebab itu kita tidak terima peranan raja (dalam politik) kerana raja tidak demokratik sedangkan dunia hanya akui sistem kerajaan yang demokratik," kata beliau.

Beliau tidak bersetuju dengan sesetengah pendapat bahawa tindakan UMNO itu akan menjauhkan pemerintah daripada raja kerana "kita tetap rapat macam biasa."

Perdana Menteri juga menafikan bahawa beliau mahu menubuhkan kerajaan negeri berikutan perhimpunan di Kota Baharu itu, seperti yang dilaporkan oleh sebuah agensi berita asing yang memetik kata-kata Menteri Besar Kelantan Nik Aziz Nik Mat.

"Kalau saya hendak tumbangkan (kerajaan negeri), ada banyak cara lain... tak payah buat perhimpunan. Kita boleh mengeringkan tabung kewangan.

"Macam-macam cara lagi boleh buat, tapi kita tidak buat. Ini perkara kecil bagi kita. Yang kita malu ialah raja ini bawa imej buruk kepada sistem beraja," kata beliau. -- Lagi.

▼12/04/19-30MST

CNS1805

R GB 12-04 00113 BA011

bah

UMNO - Sultan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai pandangan Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, bahawa isu tuntutan Tengku Datuk Ibrahim Petra Tengku Indra Petra terhadap takhta Kesultanan Kelantan tidak boleh dibawa ke Mahkamah Khas, Perdana Menteri berkata itu semata-mata pendapat Anggota Parlimen Jelutong, yang juga seorang peguam.

Dalam hal ini para peguam sendiri tidak bersependapat, kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata UMNO masih mengkaji status masyarakat Portugis sama ada mereka dianggap sebagai bumiputera dan boleh diterima menganggotai parti itu.

Mesyuarat hari ini juga memutuskan UMNO bahagian boleh menerima yuran anggota yang enggan diterima oleh pihak cawangan. -- Bernama.

JO NMO

▼12/04/20-22MST